

NO.SOALAN: 122

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]

TARIKH : 25 Mei 2016

SOALAN : 122

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah penculikan di Pantai Timur Sabah seperti yang berlaku di kawasan Pulau Ligitan di daerah Semporna pada 1 April 2016.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

ESSCOM telah mengambil pelbagai inisiatif jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dalam memastikan ESS Zone selamat untuk pelancong dan komuniti maritim setempat dari ancaman penculikan.

Antara lain inisiatif jangka pendek yang diambil adalah seperti berikut:

1. memperkuuhkan penempatan pasukan keselamatan di daratan sepanjang ESSZone khususnya di kawasan/laluan berisiko tinggi yang dikenal pasti;
2. mengatur gerak vesel-vesel di sepanjang perairan ESS Zone, khususnya di kawasan laluan-laluan yang telah dikenal pasti bagi mewujudkan *visual presence and deterrence*;
3. mengerakkan tim respon ke lokasi-lokasi strategik untuk tindak cepat di samping memperaga kehadiran;
4. mengoptimumkan sistem pengawasan radar dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah dan Kapal Auxiliary Tun Azizan (*seabasing*), radar *point defence* dari 3 buah pulau, sistem kamera jarak jauh *Big Eye* di pulau-pulau strategik, pengawasan pesawat udara maritim dan *unmanned aerial vehicle* (UAV).
5. perkongsian maklumat dan risikan di peringkat taktikal dan *operational* baik antara agensi dan juga dengan agensi perisikan Filipina.
6. melaksanakan operasi-operasi di daratan dan laut (OP BERSEPADU, OP GASAK, OP GASAK LAUT dan OP KHAS) sebagai usaha pencegahan dan sebagai *show of force*;
7. melancarkan operasi-operasi khas memburu sarang-sarang penjenayah/tali barut Abu Sayaf Group (ASG) dari semasa ke semasa;
8. memberi perlindungan keselamatan pelayaran vesel-vesel yang melalui perairan ESSZONE dengan tindakan-tindakan berikut:
 - i. *routing advisory* bagi menghindari laluan-laluan berisiko tinggi.

- ii. *Notice to Mariners* dan menghebahkan NAVTEXT oleh Jabatan Laut Malaysia bagi menasihatkan vesel-vesel mengambil langkah berjaga-jaga apabila melalui perairan yang berisiko tinggi.
- iii. membayangi (*shadows*) dan mengiringi vesel-vesel selaras ancaman semasa; dan
- iv. *engagement* dengan persatuan perkapalan, agen perkapalan dan nakhoda dalam memastikan tindakan *shipboard preventive measures* dilaksanakan dengan serius

Sekian, terima kasih.